

24/10/2003

Tindakan pendesak Yahudi tidak jejas Malaysia: Abdullah

Mohd Azlan Jaafar

SERDANG: Malaysia tidak bimbang dengan hasutan kumpulan pendesak Yahudi di

Amerika Syarikat agar pelabur dan pelancong tidak ke Malaysia berikutan ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang didakwa anti-Semitik.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata pelabur ke Malaysia kerana mampu mengaut keuntungan, selain persekitaran negara yang selamat, aman, mesra pelabur serta ekonomi berkembang pesat.

"Semua fakta ini ada pada kita. Jadi kita tidak perlu bimbang. Saya juga yakin syarikat dan pelabur yang sudah ada akan terus berada di sini... yang nak melabur pun akan datang," katanya.

Abdullah berkata demikian pada sidang media selepas menutup Seminar Percambahan Pemikiran Islam Hadari di Universiti Tenaga Nasional (Uniten)

di sini, petang semalam.

Timbalan Perdana Menteri diminta mengulas laporan media mengenai satu kumpulan pendesak Yahudi di Amerika Syarikat, Pusat Simon Wiesenthal yang

menggesa pelabur dan pelancong mengelak ke Malaysia sehingga pemimpin yang

menggantikan Dr Mahathir tidak menunjukkan sikap anti-Semitik.

Wakil pusat itu, Rabbi Abraham Cooper, berkata perniagaan tidak boleh berjalan seperti biasa sekiranya Malaysia terus menunjukkan sikap anti-Semitik yang mendorong keganasan dan jenayah terhadap kaum itu.

Tindakan kumpulan itu sebagai balasan ucapan Dr Mahathir yang juga Pengerusi Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) ketika pembukaan sidang kemuncak itu minggu lalu yang menyatakan Yahudi mentadbir dunia secara proksi dan menggunakan negara lain untuk membunuh bagi pihak mereka.

Ucapan Dr Mahathir itu yang diputarbelitkan media asing, mendapat kecaman Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah (EU) dan Australia.

Bagaimanapun, media asing tidak melaporkan ucapan Dr Mahathir yang meminta umat Islam berhenti melakukan serangan berani mati, sebaliknya berfikir dan merangka strategi lain bagi menangani musuh.

Pada Forum Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Bangkok Isnin lalu, Dr Mahathir menjelaskan laporan luas terhadap ucapannya membuktikan Yahudi menguasai dunia.

Perdana Menteri yang akan bersara hujung bulan ini juga berkata Israel bersikap bongkak kerana tidak mempedulikan semua ketetapan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai penindasan dan pendudukan rejim itu di Palestin.

Mengulas lanjut, Abdullah yang dukacita dengan tindakan kumpulan itu menggunakan laporan berita yang diputarbelitkan itu, berkata kerajaan akan

terus membangunkan negara ini walaupun berhadapan pelbagai cabaran.

"Saya nampak ia (gesaan kumpulan pendesak Yahudi) sebagai tidak wajar kerana mereka membuat tafsiran di luar konteks (ucapan)," katanya.

Mengenai laporan bahawa kemungkinan pegawai kedutaan Malaysia di luar negara menjadi sasaran ancaman, Abdullah berkata, setakat ini Wisma

Putra

belum memaklumkan mengenai perkara itu.

"Bagaimanapun kerajaan akan memastikan keselamatan rakyat dan pekerja kedutaan kita. Sepanjang masa keselamatan dan kebajikan pegawai kita jaga... itu tanggungjawab kita," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya, Timbalan Perdana Menteri menggesa rakyat meningkatkan pengetahuan dan melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan supaya negara terus maju, makmur dan berjaya.

"Jika dihalusi, kejayaan umat Islam dan orang Melayu ketika ini lebih hebat berbanding ketika mula Islam sampai ke Melaka pada tahun 1400-an. Tiada siapa dapat mempertikaikan perkara ini.

"Ilmu pengetahuan mengupayakan umat Islam di negara ini dengan lebih hebat. Dan untuk lebih berjaya kita perlu menguasai ilmu," katanya.